

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
PERAK**



**Semua Pegawai Pengawal Jabatan Negeri,  
Semua Penguasa Pihak Berkuasa Tempatan,  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri,  
Perak Darul Ridzuan.**

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK  
BIL. 2 TAHUN 2009**

**PENUBUHAN, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA  
PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN DI AGENSI KERAJAAN NEGERI**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk :
  - 1.1 Menjelaskan mengenai penubuhan, peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di semua agensi kerajaan;
  - 1.2 Menetapkan format penyediaan laporan JPKA yang seragam dan menyeluruh;
  - 1.3 Memantapkan keberkesanan dan pemantauan tadbir urus JPKA secara menyeluruh bagi mengenal pasti, menangani serta mengurangkan isu pengurusan kewangan dan akaun; dan
  - 1.4 Menerima pakai prinsip-prinsip yang terkandung dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 Bertarikh 16 Julai 2008.

## **LATAR BELAKANG**

2. Penubuhan JPKA adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan Bil. 1 Tahun 1995 supaya JPKA ditubuhkan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk membantu agensi mengawasi, memantau dan menyelia semua urusan kewangan agar berjalan lancar dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
3. Selaras dengan keputusan tersebut, Pekeliling Kewangan Bil. 5 Tahun 2005 iaitu mengenai penubuhan JPKA telah dikeluarkan. Walau bagaimanapun, Pekeliling tersebut lebih memberi tumpuan kepada penubuhan dan pelaporan JPKA dan kurang menekankan aspek keberkesanan dan pemantauan dalam menangani isu kewangan dan akaun yang berbangkit.
4. Laporan Ketua Audit Negara sering membangkitkan kelemahan-kelemahan kewangan dan akaun khususnya dalam perkara-perkara berikut :-
  - i. Pengurusan bajet;
  - ii. Pengurusan perakaunan;
  - iii. Pengurusan pungutan dan tunggakan hasil;
  - iv. Pengurusan perolehan;
  - v. Kelewatan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan dan laporan tahunan Badan-Badan Berkanun; dan
  - vi. Pengurusan aset dan stor.
5. Bagi menangani kelemahan di atas, penglibatan pihak pengurusan atasan dalam hal-hal berkaitan pengurusan kewangan dan akaun adalah diperlukan. Penubuhan JPKA secara langsung akan membantu Ketua Jabatan/Agensi memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun di agensi-agensi kerajaan.

## **TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN**

### **Penubuhan Jawatankuasa**

6. Satu Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun hendaklah ditubuhkan di semua agensi kerajaan.

## **Keahlian Jawatankuasa**

### **7. Di Peringkat Jabatan**

Ahli-ahli Jawatankuasa di peringkat Jabatan hendaklah dilantik oleh Pegawai Pengawal yang terdiri daripada pegawai-pegawai seperti berikut :

Pengerusi	:	Pengarah / Pegawai Daerah / Ketua Pejabat
Pengerusi Ganti	:	Timbalan Pengarah / Ketua Penolong Pegawai Daerah
Setiausaha	:	Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Ahli	:	i. Semua Ketua Bahagian ii. Ketua Pejabat di Cawangan/Pejabat Daerah Kecil iii. Ketua / Pegawai Audit Dalam iv. Akauntan / Pegawai Perakaunan v. Pegawai-pegawai lain yang sesuai

### **8. Di Peringkat Badan Berkanun Negeri (BBN)/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

Pengerusi	:	Pengurus Besar / Pengarah / Ketua Eksekutif / Yang DiPertua
Setiausaha	:	Ketua Bahagian / Unit Pentadbiran dan Kewangan
Ahli	:	i. Semua Ketua Bahagian ii. Ketua / Pegawai Audit Dalam / Wakil Jawatankuasa Audit iii. Akauntan / Pegawai Perakaunan iv. Pegawai-pegawai lain yang sesuai

## **TAKRIFAN**

9. Jabatan adalah mana-mana pejabat yang merupakan pemegang waran Kerajaan Negeri yang mempunyai kuasa berbelanja dan membuat pengagihan waran kepada PTJ di bawah tanggungannya.

10. Pegawai Pengawal adalah merupakan Pengarah atau Pegawai Daerah atau Ketua Pejabat.

11. Bagi Jabatan/BBN yang tidak mempunyai Unit Audit Dalam, pegawai-pegawai berkenaan lain yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan tugas pengauditan hendaklah menjadi wakil dalam JPKA.

## **Pengecualian Jawatankuasa**

12. PTJ-PTJ berikut diberikan pengecualian untuk menubuhkan JPKA iaitu :

- i. Bahagian-bahagian di peringkat Ibu Pejabat; dan
- ii. Pejabat cawangan di peringkat Daerah dan Pejabat Daerah Kecil.

## **Bidang Tugas Jawatankuasa**

13. Jawatankuasa ini akan membantu Pegawai Pengawal untuk mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan dan akaun supaya berjalan lancar dan menepati kehendak Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling yang berkaitan. Perkara-perkara yang dibincangkan di dalam mesyuarat JPKA adalah seperti di **Lampiran I**.

14. Bidang tugas Jawatankuasa meliputi :

- i. Pengurusan Bajet;
- ii. Pengurusan perakaunan (Buku Vot, Akaun Panjar, Pendahuluan Diri/ Pelbagai dan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah/ Akaun Deposit);
- iii. Pengurusan perolehan;
- iv. Pengurusan pungutan dan tunggakan hasil;
- v. Pengurusan aset dan stor;
- vi. Penyediaan dan pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan, tindakan susulan terhadap Laporan Audit Dalam dan Laporan Ketua Audit Negara; dan
- vii. Latihan untuk pegawai dan kakitangan yang mengurus hal-hal kewangan dan akaun.

## **MODUS OPERANDI**

### **Kekerapan Mesyuarat**

15. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga bulan sekali selepas tamat tempoh sesuatu suku tahun bagi mengelakkan perbincangan mesyuarat tidak menyeluruh dan kemungkinan terlepas pandang isu-isu penting yang perlu dibincangkan.

## **Mesyuarat dan Penyediaan Laporan Suku Tahun**

16. Pegawai Pengawal Jabatan/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengemukakan Laporan JPKA yang menyeluruh dan disatukan meliputi semua laporan PTJ dan Badan Berkanun Negeri di bawah kawalannya kepada Pejabat Kewangan Negeri Perak, Bahagian Khidmat Pengurusan dengan menggunakan format **Lampiran II** seperti berikut :

<b>Tarikh Mesyuarat</b>	<b>Laporan</b>	<b>Tarikh Akhir</b>
Sebelum 30 April	Suku Pertama	15 Mei
Sebelum 31 Julai	Suku Kedua	15 Ogos
Sebelum 31 Oktober	Suku Ketiga	15 November
Sebelum 31 Januari	Suku Keempat	15 Februari

17. Pegawai Pengawal/Ketua Pejabat hendaklah mengemukakan minit mesyuarat peringkat Jabatan/Agensi berserta laporan suku tahun JPKA tersebut.

## **PENGUATKUASAAN PEKELILING**

### **Pemantauan**

18. Laporan Suku Tahun JPKA seperti di Lampiran II yang lengkap hendaklah disediakan untuk dibincangkan di dalam mesyuarat JPKA.
19. Laporan Suku Tahun yang tidak lengkap akan dipulangkan semula oleh Pejabat Kewangan Negeri. Tarikh baru penerimaan laporan yang lengkap dikira sebagai tarikh terima.
20. Hanya Pengerusi mesyuarat sahaja dibenarkan untuk menandatangani laporan JPKA sebelum dikemukakan ke Pejabat Kewangan Negeri.
21. Garis panduan seperti Lampiran III boleh digunakan oleh Jabatan/BBN/PBT bagi JPKA membincangkan secara mendalam sesuatu aspek di bawah bidang kuasanya seperti di perenggan 13, Garis panduan ini hanyalah sebagai rujukan Jabatan/BBN/PBT dan tidak perlu dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri.
22. Kepatuhan kepada keperluan Pekeliling ini diambil kira sebagai salah satu aspek *Key Performance Indicators (KPI)* bagi kenaikan pangkat Pegawai Pengawal dan di dalam pemberian Star Rating kepada Jabatan/BBP/PBT.

23. Laporan Keberkesanan JPKA dalam menangani masalah kewangan akan disediakan dan dibentangkan oleh Pegawai Kewangan Negeri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar.

### **Penguatkuasaan**


24. Peraturan ini hendaklah dilaksanakan oleh Jabatan/BBN/PBT dan berkuat kuasa mulai dari tarikh Pekeliling ini. Semua Pegawai Pengawal hendaklah memastikan supaya setiap PTJ dan Badan-Badan Berkanun di bawah kawalannya menerima dan melaksanakan Pekeliling ini.

25. Dengan berkuat kuasanya pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 5 Tahun 2005 adalah di batalkan.

26. Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Kewangan Negeri boleh dihubungi untuk penjelasan lanjut mengenai Pekeliling ini.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HJ. AHMAD)**

Pegawai Kewangan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

22 Januari 2009.

s.k. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Perak Darul Ridzuan.

Bendahari Negeri,  
Perak Darul Ridzuan.

Pengarah Audit Negeri,  
Perak Darul Ridzuan.